

Newspaper	Berita Harian
Date	17 June 2015

'Hanya PM boleh selesai masalah'

BH-17/6/2015

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak adalah satu-satunya orang tengah yang boleh menyelesaikan kemelut dalaman MIC yang berlarutan lebih setahun setengah.

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Sivamurugan Pandian, berkata sebagai Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Perdana Menteri, Najib pasti boleh membantu MIC mencari pe-

nyelesaian terbaik.

Katanya, pertelagahan dalaman MIC semakin berlarutan sehingga ke mahkamah sebelum keputusan berpihak kepada Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MIC 2009.

Perlu campur tangan

"Kepemimpinan BN perlu campur tangan dan menasihatkan kedua-dua pihak (Palanivel dan Timbalannya, Datuk Seri Dr S Subramaniam) mengadakan perbincangan

supaya kemelut ini tidak berlarutan ketika kedua-dua pihak mendakwa mereka bertindak mengikut perlembagaan parti.

"Dulu, Perdana Menteri ada campur tangan, tapi Palanivel membawa isu ini ke mahkamah. Kini saya tidak pasti sama ada beliau akan campur tangan lagi. Namun, demi kelangsungan parti yang mempejuangkan orang India, langkah itu perlu," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Sivamurugan berkata, MIC sebagai parti komponen BN sepatutnya menerima pandangan dan nasihat pemimpin BN.

Mengenai hasrat Palanivel yang mahu memfailkan rayuan berhubung keputusan Mahkamah Tinggi kelmarin, beliau berkata, pemilihan semula parti masih boleh boleh diadakan, tetapi keputusan hasil pemilihan itu akan tetap bergantung kepada keputusan rayuan yang dibuat.